

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONI, TIMBALAN
PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO,
KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PEMBAKILAN UMNO
BAHAGIAN SERI GADING, DI DEWAN SEKOLAH
MENENGAH TUN ISMAIL, PARIT RAJA, BATU
PAHAT JOHOR, PADA 17HS APRIL 1975

JAN 9.30 PAGI

UCAPAN DI BACAKAN OLEN Y.B. TAN SRI ABDUL
KADIR YUSUF, MENTERI UNDANG-UNDANG DAN
PEGUAM NEGARA

Y.B. Encik Yusa' bin Haji Nawawi,
Pengerusi, Jawatankuasa Penyelarasan UMNO
Bahagian Seri Gading,
Ahli-ahli Jawatankuasa,
Para Perwakilan,
Saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian,

Seperti yang saudara-saudara
sekalian maklum Y.A.B. Datuk Hussein Onn,
Timbalan Perdana Menteri dan Wakil Rakyat
bagi Kawasan Seri Gading, pada masa ini
sedang berihat atas nasihat doktor dan
Y.A.B. itu telah menyerahkan kepada saya
kehormatan menyampaikan ucapannya kepada
hadirin sekalian. Dalam hubungan ini,
terlebih dahulu saya sukalah menyampaikan
ucapan salam hormat dan terimakasih Datuk
Hussein kepada seluruh hadirin dan para

perwakilan di mesyuarat ini. Dan oleh sebab Y.A.B. itu telah tidak dapat bersama-sama dengan kita, maka sekarang saya meneruskan ucapannya.

Saudara-saudara sekalian,

2. Mesyuarat pada pagi ini, adalah julung kali diadakan, dalam usaha kita menyelaraskan kedudukan UMNO Bahagian Seri Gading, dahulunya Batu Pahat Dalam, sejajar dengan kehendak Perlembagaan Parti kita untuk menubuhkan Bahagian UMNO mengikut kawasan pilihanraya. Kita mohon syukur ke hadhrat Allah kerana dapat kita mengadakan perjumpaan ini untuk mencapai tujuan tersebut, di samping membulatkan usaha kita untuk menghadapi zaman yang akan datang, baikpun bagi negara mahupun yang melibatkan parti kita.

3. Di samping itu juga saya inginlah juga mengucapkan syukur ke hadhrat Allah kerana dengan kudratNya parti kita Barisan Nasional telah memenangi Pilihanraya Umum tahun lalu. Dan dengan kehendak Tuhan juga, UMNO Bahagian ini serta Barisan Nasional tidak payah menggerakkan jentera Pilihanrayanya kerana kita telah menang tanpa bertanding di peringkat Parlimen dan juga Dewan Negeri. Ini merupakan satu kejayaan kita, satu sejarah yang besar bagi kawasan ini yang membolehkan kita menang dengan sokongan dan keyakinan penuh rakyat kepada kita. Kita menang, tanpa bertanding, terutamanya kerana parti-parti lawan mungkin tidak bersedia menghadapi kita. Dan di samping itu, kita juga mengetahui bahawa kekuatan kita sentiasa ada untuk memenangi sebarang Pilihanraya, sekiranya diadakan.

Marilah kita berdoa semoga Allah sentiasa memberikan kita kekuatan dan melindungi kita dalam sebarang usaha dan tujuan kita.

4. Sekalipun kita telah menang pilihanraya, tetapi tugas dan tanggungjawab kita terhadap rakyat adalah besar kerana ia menjadi kekuatan kita. Kepada saya, ini adalah tugas yang sangat penting, satu cabaran yang sangat berat. Dalam pilihanraya kita hanya perlu menang. Tetapi dalam menghadapi masyarakat, dalam menghadapi masalah rakyat, perjuangan kita tidak akan berakhir. Dalam keadaan yang ujud sekarang, khasnya dengan kezaman kerajaan meninggikan taraf hidup rakyat, memodenkan rakyat, maka tugas kita adalah lebih besar. Oleh sebab itu, jentera parti hendaklah sentiasa kukuh dan digerakkan untuk memenuhi cita-cita rakyat dan negara.

5. Sebagai wakil rakyat dan juga sebagai Menteri Kerajaan, saya mempunyai semangat untuk menghadapi rakyat, dalam semua masalah mereka. Tetapi semangat sahaja tentulah tidak bererti kalau kita tidak mempunyai tenaga dan punca-punca yang lain serta kerjasama dari semua pihak. Pengharapan rakyat makin bertambah besar. Tetapi kemampuan kita, khasnya kerajaan, pada mengisikan kehendak-kehendak rakyat ini dengan segera, ^{adalah} berkurangan disebabkan oleh keadaan inflasi dan stagflasi, yang menimpa negara kita ini. Dalam hubungan ini, saya inginlah menyatakan bahawa kedudukan kewangan dan ekonomi kita pada masa ini tidak begitu cerah disebabkan oleh keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil. Namun demikian, kita berdoa semoga keadaan ekonomi akan pulih kerana ada tanda yang kedudukan ini akan berubah pada tahun hadapan.

6. Di samping itu, juga kita sekarang menghadapi tekanan dan bahaya keselamatan dalam negeri yang memerlukan kita memperkokohkan benteng keselamatan. Dalam tempoh beberapa minggu yang lepas kita telah mendengar kegiatan anasir komunis bersenjata serta anasir anti-nasional, yang mempergiatkan aktiviti mereka menceroboh Kerajaan yang sah, Kerajaan Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat.

6a. Kita bersyukur kepada Tuhan kerana negara mempunyai Pasukan Bersenjata yang gigih dan berani untuk mempertahankan negara. Kepada Perajurit ini, sesungguhnya kita sekalian sangat menghargai jasa dan pengorbanan mereka. Dalam kejadian yang baru berlaku, seramai 13 orang perajurit telah terkorban dan beberapa orang lagi telah cedera. Diantara yang terkorban itu, saya diberitahu adalah seorang perajurit

yang berasal dari Kampung daerah ini. Pengorbanan yang begitu tinggi patutlah sentiasa kita kenang kerana, pada hakikatnya, keselamatan dan kesetabilan negara yang kita alami pada masa ini adalah hasil dari tugas dan pengorbanan perajurit kita yang berkhidmat di seluruh Tanahair. Pihak Kominis telah mempergiatkan aktiviti mereka dengan niat yang buruk untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional yang ujud sekarang dan menggantikannya dengan sebuah Kerajaan Kominis. Kita tidak rela dan rakyat sekalian tidak sekali-kali akan menyerah kepada gerakan durjana ini. Apa juga sebab atau alasan yang menjadikan mereka membunuh perajurit-perajurit kita tidak dapat kita jadikan asas untuk berpuashati. Sebenarnya gulungan kominis ini bertujuan menimbulkan kacau bilau serta mengganggu

keselamatan, ketenteraman serta menghalang pambinaan jalanraya Timur Barat dan juga pambinaan ampangan Temenggor. Kedua-dua rancangan raksaksa ini sangat berguna kepada ekonomi negara kita dan juga kepada rakyat. Dengan adanya jalanraya itu kelak perhubungan antara negeri akan lancar dan sudah tentu beribu-ribu ekar tanah akan dibuka bagi dijadikan kawasan ladang. Demikian juga Ampangan Temenggor itu akan memberi tambahan kuasa letrik untuk membolehkan kita menjalankan projek perindustrian. Sekali lagi saya menyeru kepada seluruh rakyat supaya sentiasa berwaspada terhadap aktiviti komunis. Di samping itu kita patutlah memberikan pujian dan penghargaan yang tinggi kepada Pasukan Bersenjata kita dan seluruh Perajurit yang berjuang menghadapi musuh tanpa mengharapkan pujian dan kenangan.

Janganlah kita berkhayal kerana ketenteraman kita sebenarnya adalah pengorbanan dari perajurit kita. Saya sesungguhnya merasa amat sedih dengan peristiwa yang berlaku tetapi saya ingin menyeru kepada seluruh perajurit kita supaya bertekad, berazam dan terus berjuang kerana negara menghendakkan pengorbanan mereka dan jasa-jasa mereka ini akan tetap terukir dalam sejarah negara.

6c. Sebenarnya kita tidak gentar menghadapi musuh-musuh ini sekiranya mereka berhadapan dengan kita. Tetapi musuh-musuh itu ada di belakang kita dan mungkin juga ditengah-tengah kita. Inilah yang menyulitkan usaha Kerajaan pada membasmi anasir-anasir itu. Namun demikian, dengan kekuatan dan perpaduan seluruh rakyat, dengan kerjasama semua pihak, Insya Allah kita akan dapat menghapuskan anasir

jahat itu sambil mempertahankan keutuhan dan kedaulatan negara kita. Dan kekuatan serta perpaduan itu, hendaklah sentiasa dipelihara dan diberikan oleh rakyat sekalian.

Saudara-saudara,

7. Dalam tempoh beberapa minggu lagi, iaitu dalam bulan Jun, UMNO akan mengadakan Perhimpunan Agongnya, di Kuala Lumpur. Pada masa ini, seperti yang saudara-saudara maklum, seluruh Bahagian UMNO sedang giat mengadakan Mesyuarat Perwakilan masing-masing. Dalam keadaan ini, kita juga dapat melihat setengah-setengah pemimpin parti kita aktif pergi ke sana sini menemui ahli dan rakyat. Kegiatan seperti ini ada baik dan ada padahnya. Dalam pada berlumba-lumba mencari pengaruh hendaklah diingat bahawa rakyat dan ahli-ahli parti sentiasa mengikuti perkembangan parti kita dan kegiatan

pemimpin kita. Janganlah hendaknya disebabkan oleh cita-cita besar tokoh-tokoh ini, boleh meniadakan persaingan dan perselisihan di kalangan ahli. Saya berharap hal ini tidak berlaku. Ahli-ahli parti hendaklah sentiasa waspada terhadap matlamat, tujuan dan keinginan kita mewujudkan perpaduan dan keharmonian di dalam parti, pada setiap masa.

7a. Seperkara yang patut saya jelaskan, dalam Perhimpunan Agung UMNO ini adalah menjadi hakikat tiap-tiap perwakilan memilih pemimpin yang menurut hemat mereka boleh memperjuangkan cita-cita parti. Pemimpin-pemimpin tersebut hendaklah terdiri daripada tokoh yang bersifat jujur dan tidak angkuh serta yang benar-benar dapat kita menggantungkan harapan di masa depan. UMNO tidak rela mempunyai pemimpin yang berpura-pura, pemimpin yang tidak amanah kepada rakyat

dan falsafah parti.

7b. Oleh yang demikian, adalah hak tiap-tiap ahli UMNO menentukan pemimpin yang mereka mahu berdasarkan lunas-lunas yang saya katakan tadi. Saya ingin menyatakan bahawa setiap ahli patutlah menggunakan hak mereka itu, dengan penuh teliti, kejujuran dan pertimbangan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak, oleh sebab parti kita adalah menjadi tunggak kepada perjuangan orang Melayu, dan negara seluruhnya. Demikian juga kita patutlah mematuhi akan perlembagaan parti yang menjadi pegangan kepada perjuangan kita setiap masa. Tiap-tiap pemimpin sentiasa diuji dan diteliti. Oleh itu tiap-tiap seorang yang ingin menjadi pemimpin patutlah menyedari akan hakikat ini dan tidak sekali-kali membelakangkan cita-cita parti, kehendak ahli dan dasar perjuangannya.

Saudara-saudara sekalian,

8. Sebagai wakil rakyat, bagi kawasan Seri Gading ini, saya telah cuba berusaha memahami akan kehendak-kehendak saudara dan mengetahui akan hasrat saudara. Dalam hal ini, saya telah mengadakan lawatan, dan sering mengadakan dallog dengan tujuan supaya rakyat, menerusi parti dapat menyalurkan kehendak-kehendak mereka. Dan seterusnya, dapat saya mengemukakan hal ini untuk perhatian dan pertimbangan Kerajaan.

9. Segala permintaan yang saudara-saudara kemukakan itu telah saya teliti dan mengambil tindakan. Ada banyak masalah yang timbul, hal ini tentulah mengambil masa sedikit untuk membolehkan saya memahami akan keadaan ini dan mencari penyelesaian yang setimpal.

dapat saya mengemukakan hal ini untuk perhatian dan pertimbangan Kerajaan.

9. Segala permintaan yang saudara-saudara kemukakan itu telah saya teliti dan mengambil tindakan. Ada banyak masalah yang timbul, terutamanya berkaitan dengan soal-soal kewangan. Hal ini tentulah mengambil masa sedikit untuk membolehkan saya memahami akan keadaan ini dan mencari penyelesaian yang setimpal dengannya. Saudara-saudara telah menubuhkan perkara jalan Farit Dotak. Jalan ini, sekiranya mahu dinaikkan ke taraf A akan memakan belanja yang besar. Lagipun dengan mencantikkan jalan ini, saya rasa rakyat disini tidak mendapat menafaat yang sebenarnya. Oleh itu, sebaik-baiknyalah jalan diperbaiki, menurut keadaan biasa dan secara berperingkat-peringkat.

10. Beberapa projek kecil, saya harap akan dapat kita adakan di kawasan ini. Dalam pada itu, saya telah mendapat peruntukan sebanyak \$10,000 bagi membeli alat perkakas masjid dan kerja-kerja gotong-royong. Saya telahpun mengarahkan Setiausaha Politik saya Saudara Mustaffa bagi membuat senarai perkakas yang diperlukan serta projek gotong-royong yang perlu dilaksanakan itu. Insya Allah, menerusi kerjasama daripada semua pihak, kita akan sama-sama berusaha supaya segala kehendak dan permintaan saudara-saudara di kawasan ini akan dapat kita penuhi. Tetapi saya ingin menegaskan di sini, cara kita bertindak itu biarlah realistik dan secara beransur-ansur.

11. Satu perkara yang ingin saya kemukakan di sini ialah mengenai perlantikan wakil Peribadi. Ini memerlukan penelitian yang sesuai serta mendapatkan seorang yang menurut hemat saudara benar-benar amanah dan sanggup menjalankan kerja. Sementara menunggu cadangan dari saudara sekalian, saya memutuskan supaya semua urusan hendaklah dicalurkan menerusi Jawatankuasa UMNO Bahagian ini. Kita akan jadikan Pejabat Bahagian, sebagai Pusat menerima pengaduan dan permintaan dari rakyat kawasan ini. Saya harap cadangan ini dapat diterima.

12. Satu perkara yang ingin saya sebutkan ialah mengenai rancangan pemulihan tanah di Asam Bubuk. Saya telahpun memikirkan cara yang sebaik-baiknya memajukan tanah ini supaya mengeluarkan hasil yang boleh menambahkan pendapatan penduduk di situ, khasnya pemilik-pemilik tanah. Saya sukacita kerana hal ini telahpun diuruskan oleh Y.B. Encik Yusa' ^{dan} ~~dari~~ Persatuan Peladang bersetuju untuk menyelidik dan kalau sesuai memajukannya. Adalah diharap bahawa projek tersebut dapat diusahakan dalam tempoh yang segera.

13. Selain dari itu, saya juga ingin menegaskan bahawa Daerah Batu Pahat merupakan daerah pertanian yang subur. Daerah ini juga merupakan kawasan yang ramai pekebun kecil, seperti yang disebutkan oleh Encik Yusa' tadi.

Pekebun-pekebun kecil memerlukan perubahan nasib. Meskipun Kerajaan telah mengadakan kemudahan untuk menanam semula getah, tetapi kemudahan ini tidak dapat dinikmati seluruhnya oleh pekebun-pekebun kecil disebabkan mereka bimbang mata pencarian mereka terputus untuk beberapa tahun, sekalipun rancangan Kerajaan ini adalah baik. Dalam pada itu, ramai juga pekebun kecil yang mengambil keputusan menanam semula getah. Ada yang berjaya, dan ada diantara mereka yang tidak memuaskan.

14. Di sini ingin saya memberi pandangan mengenai peranan RISDA dan agensi-agensi Kerajaan. Di negeri Johor ini, saya diberitahu ada terdapat beberapa sindikit yang besar yang menjalankan kerja menanam semula getah dan mengusahakan tanah pekebun kecil.

Niat mereka ini ialah mencari keuntungan dan mengambil kesempatan dari dasar Kerajaan, membantu pekebun kecil. Semua hak pekebun kecil yang menerima bantuan diserahkan kepada mereka. Baja yang diberikan kepada pekebun kecil disalurkan ke tempat-tempat lain dan mungkin dijual balik kepada Kerajaan. Sindikit ini telah mengadakan hubungan rapat dengan orang-orang tertentu supaya menjayakan kerja mereka. Dalam hal inilah, saya ingin memberi ingatan kepada kakitangan agensi Kerajaan supaya jangan menjadi alat kepada sebarang sindikit, untuk memperkayakan mereka. Perbuatan seperti ini akan menjadikan rakyat marah dan Kerajaan akan menerima akibat dari penyelewengan ini. Saya mendapat tahu RISDA sedang berikhtiar memperbaiki sistem bantuan mereka supaya wang kerajaan tidak mengalir ke pihak-pihak yang

yang lain yang mencari kekayaan. Disinilah letaknya tugas kita untuk mengadakan satu cara supaya pekebun-pekebun kecil dibantu dan mendapat nikmat. Bagi pekebun-pekebun kecil yang merasa telah dipedayakan oleh sindikit-sindikit ini, bolehlah mengadu kepada saya untuk diambil perhatian. Kepada sindikit-sindikit ini saya memberi amaran bahawa saya tidak rela pekebun-pekebun kecil dipedayakan sekalipun dengan cara undang-undang. Sesungguhnya, saya mengambil perhatian berat kepada masalah ini.

Saudara-saudara sekalian,

15. Pada awal bulan ini, Parlimen telah ber sidang membincangkan beberapa perkara penting yang mempunyai perkaitan langsung dengan kita semua. Pertamanya, berkait dengan keputusan Kerajaan mengenakan hukuman yang berat keatas mereka yang melakukan pengedaran dadah. Masalah dadah ini amatlah serious, kerana ia melibatkan soal moral dan masa depan rakyat negara ini. Oleh yang demikian, Parlimen telah bersetuju meminda undang-undang supaya hukuman berat dikenakan terhadap pengedar-pengedar dadah dan orang-orang yang terlibat di dalam perbuatan durjana ini. Dalam hubungan ini, kita hendaklah waspada dan membantu kerajaan menghapuskan dadah ini. Orang-orang yang bersubahat hendaklah juga dikesan dan dilaporkan kepada pihak berkuasa.

15a. Menyebut perkara dadah ini, saya teringat tentang mula-mula tiubulnya perkara dadah di sini khasnya. Penemuan beberapa banyak pokok ganja di dalam negeri Johor. Mengikut penyiasatan, anak-anak muda mula tertarik dengan dadah ini menerusi ganja. Dan selepas itu, mula ketagih dan akan malarat kepada jenis dadah yang besar dan lebih merbahaya seperti 'morphine' dan lain-lain lagi. Oleh itu, hendaklah kita sentiasa menjaga anak-anak supaya tidak terjerumus ke lembah neraka dadah yang bukan sahaja membahayakan kesihatan mereka tetapi juga cara pemikiran mereka.

16. Perkara yang besar juga telah mengenai pindaan kepada akta Universiti dan Kolej yang mengaitkan soal-soal disiplin serta pentadbiran Universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara ini. Kerajaan telah menimbangangkan kedudukan ini secara mendalam dan menyeluruh, berdasarkan kepada pengalaman yang berkaitan dengan tunjuk perasaan pelajar-pelajar baru-baru ini. Dan seperti yang termaklum beberapa pindaan kepada Akta itu telahpun diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

17. Kita memerlukan langkah-langkah yang tegas ini, oleh sebab kerajaan telah melaburkan wang yang banyak kepada pelajar-pelajar untuk membolehkan mereka mendapatkan pelajaran tinggi, dengan harapan supaya mereka ini akan menjadi pemimpin negara dan masyarakat di masa yang akan datang. Tetapi apa yang telah berlaku harapan kerajaan dan amanah yang diberikan oleh rakyat kepada setengah-setengah pelajar kita ini telah disalahgunakan. Mereka menjalankan aktiviti yang tidak menguntungkan mereka sendiri dan juga kepada negara. Dalam hal ini, saya berharap saudara-saudara sekalian akan memahami akan niat baik kerajaan serta menyokong usaha kita memulihkan disiplin di kalangan pelajar itu.

18. Kita perlu menyusun semula masyarakat pelajar sesuai dengan keperibadian bangsa kita. Sekalipun kita telah mengambil langkah yang disifatkan oleh setengah gulungan agak terlewat, tetapi kita yakin, hasil dan usaha ini akan memberi kesan yang nyata untuk jenerasi akan datang.

18a. Selain daripada memperketatkan disiplin di Universiti dan Kolej, Kerajaan juga sedang meneliti mengenai perkara-perkara lain yang ada hubungannya dengan pelajar. Kerajaan telah memutuskan supaya pemegang biasiswa baik Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri, yang terlibat dalam demonstrasi pelajar yang lalu supaya memberi penjelasan mengenai biasiswa mereka tidak ditarik semula. Langkah ini ialah untuk mereka patuh kepada syarat-syarat untuk mereka meneruskan tugas yang diamanahkan oleh Kerajaan. Demikian juga, Jawatankuasa

Kabinet yang saya pengerusikan itu mengkaji masalah pelajar keseluruhannya pada jangka panjang untuk menentukan aliran dan pemikiran pelajar terhadap soal-soal negara.

18b. Mudah-mudahan, dengan pengkajian yang mendalam serta menentukan lunas-lunas baru serta sebab-sebab pelajar melakukan demonstrasi dan sebagainya, maka bolehlah kerajaan mengambil langkah-langkah yang positif terhadap masyarakat pelajar di negara kita ini.

Saudara-saudara sekalian,

19. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sukalah menegaskan keinginan saya untuk memajukan kawasan Seri Gading ini. Sungguhpun kerajaan telah menjalankan projek-projek pembangunan, besar dan kecil, dari masa ke semasa, tetapi satu pengkajian yang mendalam mengenai usaha

pembangunan di kawasan ini patutlah
dijalankan. Ini melibatkan pembukaan
tanah, pembenaan jalan dan sebagainya.
Saya berharap akan dapat mengadakan
kumpulan pengajian kawasan ini,
pada keseluruhannya, dimasa yang akan datang.

20. Dalam hubungan ini juga saya ingin juga menyentuh mengenai rancangan Buku Hijau. Saya diberitahu bahawa rancangan dan matlamat Buku Hijau bagi daerah ini dan juga daerah Kluang telahpun disampaikan kepada Sekretariat Rancangan Buku Hijau di Jabatan Perdana Menteri. Rancangan ini sedang diteliti. Disamping itu, saya percaya bahawa rakyat di sini yang pada umumnya kaum tani patutlah menjalankan usaha yang berkait dengan Buku Hijau, yang boleh menambahkan pendapatan dan juga hasil tanaman. Oleh itu, saya berseru supaya rancangan Buku Hijau ini menjadi matlamat dan pegangan hidup kita untuk sentiasa berusaha bagi memenuhi keperluan diri sendiri dan juga keperluan negara kita dalam aspek makanan.

Saudara-saudara sekalian,

20a. Saya telahpun dicadangkan untuk menjadi Ketua Bahagian Seri Gading ini. Sesungguhnya saya sangat berterima kasih di atas pandangan, cadangan dan ingatan baik saudara-saudara itu. Akan tetapi, menurut hemat saya, pada ketika ini sebaiknya ialah pimpinan Bahagian Seri Gading ini diserahkan kepada anak tempatan. Saudara-Saudara tentulah mahukan seorang pemimpin yang sentiasa berada di tengah-tengah saudara supaya dapat memberikan pimpinan secara dekat. Tambahan pula, saya sebagai wakil rakyat kawasan ini tentulah akan berganding rapat dengan UMNO Bahagian ini. Dan sekiranya diizinkan, saya tentu boleh menghadiri sebarang mesyuarat yang saudara adakan. Oleh yang demikian, sungguhpun pada hakikatnya saya merasa berat untuk menerima cadangan ini, tetapi memadailah saya memberikan ikrar yang saya akan sentiasa berada bersama-sama

dengan saudara, turut memperjuangkan cita-cita rakyat di sini dan seterusnya cita-cita parti dan negara.

21. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih diatas kesempatan menyampaikan pesanan dalam Mesyuarat Perwakilan ini dan mendoakan supaya mesyuarat pada hari ini berjalan dengan lancar dan selamat kita menubuhkan bahagian baru. Kepada tokoh-tokoh UMNO dalam cawangan-cawangan ini yang keluar daripada Bahagian baru ini, saya mengucapkan selamat berpisah, tetapi hendaknya tetap meneruskan perjuangan dan cita-cita parti kita. Dan pada cawangan-cawangan baru yang masuk dalam Bahagian ini, saya juga turut mengalu-alukan kemasukan mereka serta ahli-ahlinya.

22. Dengan ini, saya dengan rasminya membuka Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Seri Gading, dan moga-moga kita sama-sama direstui Allah dan direchai olehNya dalam sebarang usaha kita.

Terima kasih.



No. Siri 149
No. Penerimaan 11 / 79